

Cuepacs kaji semula skim perkhidmatan, tangga gaji

Semakan perlu supaya setaraf kelulusan dan kredibiliti penjawat

NURBAYA ABDUL REZAK

SEREMBAN - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengkaji semula Skim Perkhidmatan dan Tangga Gaji pekerja sektor awam yang dilihat sudah tidak relevan lagi.

Presidennya, Omar Osman berkata, Cuepacs sentiasa memperjuangkan nasib kakitangan awam di negara ini.

Menurutnya, skim perkhidmatan dan tangga gaji sektor awam harus diselarasakan mengikut pengkhususan kemahiran dan standard pekerja tersebut.

"Pihak Cuepacs telah menyiapkan memorandum mahukan beberapa perubahan dalam skim perkhidmatan dan tangga gaji serta bakal berbincang bersama Perdana Menteri (PM) sebelum 27 Jun ini," katanya kepada media selepas merasmikan Mesyuarat



● OMAR OSMAN

Agung Kesatuan Pekerja-pekerja Risda (KPPR) Negeri Sembilan, di pejabat Risda, semalam.

Beliau berkata, semakan tangga gaji setaraf kelulusan perlu diselarasakan bagi memperlihatkan kualiti dan kredibiliti sebagai penjawat awam.

"Kalau mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tangga gaji yang dapat juga tahap SPM. Bagi mereka yang berkelulusan daripada politeknik, universiti swasta, buat

masa ini masih di dalam skim yang sama, cuma dengan gaji yang lebih sedikit sahaja.

"Sepatutnya gaji mereka tidak boleh sama dan berada di bawah kelulusan SPM, sebaliknya diletakkan di bawah satu skim yang lain," katanya.

Beliau berkata, masih ada pekerja sektor awam yang berkhidmat di tempat yang tidak mengikut tahap kelulusan mereka.

"Kita akan letak pekerja yang sama taraf dengan kelulusan mereka seperti jika mereka berkelulusan Sarjana, tentu sekali di universiti dan bukannya di masih bekerja di maktab," katanya.

Beliau berkata, skim perkhidmatan dan tangga gaji yang sedia ada masih berkesan, namun memerlukan sedikit penyelarasan berkaitan bidang dan gaji penjawat awam.

"Perlu sedikit perubahan kerana banyak faktor seperti cabaran masa kini. Penjawat awam perlu meningkatkan produktiviti, kualiti kepada pelanggan dan semua aspek perlu dijaga," katanya.

Dalam pada itu, rundingan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (JPA) juga dilakukan untuk membenarkan kakitangan kerajaan yang sudah berkhidmat lebih 20 tahun mengeluarkan 20 peratus wang gra-tuiti mereka.

"Ini untuk mengelakkan kumpulan sokongan daripada terjebak dengan skim cepat kaya dan berhubung dengan ah long.

"Sekiranya cadangan ini diterima, kakitangan ter-babit boleh mengeluarkan sebanyak 20 peratus wang gra-tuiti mereka menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini," katanya.

**kualiti
lulus**